

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

- PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**
- DARIPADA** : **PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO**
[BATU KAWAN]
- TARIKH** : **25 OKTOBER 2016**
- SOALAN** : **Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan semua perjanjian, traktat, konvensyen serta protokol antarabangsa yang telah ditandatangani serta sebab mengapa kerajaan Malaysia belum menandatangani serta meratifikasi “International Covenant on Civil and Political Rights”, “Second Optional Protocol To The International Covenant on Civil and Political Rights, Aiming At The Abolition of The Death penalty” serta “International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination”.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Kawan di atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Ingin saya maklumkan bahawa instrumen-instrumen antarabangsa PBB meliputi pelbagai bidang dan tidak ada negara di dunia yang menyertai setiap triti dan konvensyen di bawah naungan PBB. Senarai penuh triti-triti dan konvensyen-konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang telah ditandatangani atau diratifikasi oleh Malaysia boleh diperolehi dari laman web Kementerian Luar Negeri atau di laman web PBB sendiri.

3. Dalam hubungan ini, saya ingin menekankan bahawa Kerajaan sentiasa memandang serius tanggungjawabnya untuk melindungi hak asasi manusia semua rakyat Malaysia. Sungguhpun begitu, kesungguhan Kerajaan dalam melindungi hak asasi manusia rakyat Malaysia tidak boleh dinilai hanya melalui penyertaan negara ke instrumen-instrumen hak asasi manusia di peringkat antarabangsa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Saya yakin Dewan yang mulia ini telah pun maklum bahawa Malaysia telah menyertai tiga konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berkenaan hak asasi manusia iaitu *Convention on Rights*

of the Child (CRC) pada 17 Februari 1995, *Convention on Elimination of All Forms of Discrimination Against Women* (CEDAW) pada 5 Julai 2016 dan *Convention on the Rights of Persons with Disabilities* (CRPD) pada 19 Julai 2010.

5. Seperti Dewan yang mulia ini juga sedia maklum, isu berkenaan penyertaan Malaysia ke instrumen-instrumen hak asasi manusia antarabangsa termasuk Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik atau "*International Covenant on Civil and Political Rights*" (ICCPR) dan Protokol Pilihan Kedua ICCPR Ke Arah Pemansuhan Hukuman Mati atau "*Second Optional Protocol to the ICCPR Aiming at the Abolition of the Death Penalty*" (OP2 ICCPR), serta Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Kaum atau "*International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination*" (ICERD) juga pernah dibangkitkan dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Sebelum Malaysia menyertai mana-mana instrumen antarabangsa, persediaan menyeluruh perlu dilaksanakan terutamanya dalam memastikan semua peruntukan instrumen berkenaan boleh diaplikasikan melalui rangka perundangan negara kita. Di samping itu, undang-undang sedia ada perlu disemak bagi memastikan ia tidak bercanggah dengan peruntukan instrumen yang disertai.

7. Dalam kaitan ini, pihak Kerajaan sedang giat mengadakan konsultasi dan perbincangan di pelbagai peringkat dalam usaha supaya satu gambaran yang menyeluruh tentang situasi hak asasi manusia di

Malaysia dapat diperolehi sebelum pendirian Kerajaan terhadap kedua-dua instrumen tersebut dapat dimuktamadkan.

8. Proses ini mengambil masa yang agak lama kerana Kerajaan perlu memastikan bahawa perundangan negara ini adalah selaras dengan peruntukan-peruntukan di dalam instrumen-instrumen antarabangsa berkaitan hak asasi manusia serta mengkaji reservasi-reservasi yang ada sebelum negara menganggotai dan meratifikasi instrumen-instrumen tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 25 OKTOBER 2016
[SELASA]
DARIPADA : Y.B. TUAN NG WEI AIK
[TANJONG]

SOALAN :-

Y.B. Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan kes yang telah diselesaikan, masih dalam pendengaran dan belum dijadualkan untuk pendengaran bagi Tribunal Pengurusan Strata untuk setiap zon dan apakah usaha-usaha yang akan diambil bagi mempercepatkan pendengaran ke atas kes-kes yang tertunggak supaya kadar penyelesaiannya boleh ditingkatkan lagi.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak Tribunal Pengurusan Strata (TPS) berkuat kuasa dari 1 Julai 2015, sebanyak 1,183 kes telah berjaya diselesaikan dan sebanyak 1,082 kes masih belum selesai hingga September 2016. Berikut merupakan pecahan bagi setiap kes mengikut zon:

NEGERI MENGIKUT ZON	JUMLAH KES SELESAI	JUMLAH KES BELUM SELESAI
Ibu Pejabat (KL/Selangor)	1105	898
Utara	51	181
Timur	27	3
Selatan	0	0

Tiada pemfailan kes didaftarkan di Zon Selatan kerana kebanyakan penuntut dari Melaka dan Negeri Sembilan mendaftarkan kes di Putrajaya kerana pejabat TPPS Zon Selatan terletak di Johor Bahru.

Bagi mempercepatkan pendengaran kes, pelbagai usaha telah dibuat oleh TPS termasuklah:

- a) penambahan Tribunal bagi pendengaran kes (dua Tribunal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dua Tribunal di Georgetown, Pulau Pinang dan satu Tribunal di Muar, Johor);
- b) penambahan Presiden untuk mendengar kes (seramai 7 orang Presiden yang baru dilantik oleh YB Menteri dari tempoh 1 Julai 2016 sehingga 30 Jun 2018 menjadikan jumlah keseluruhan Presiden Tribunal Pengurusan Strata yang sedang berkhidmat adalah seramai 22 orang); dan
- c) menggunakan mahkamah sivil di lokasi yang tidak mempunyai Tribunal seperti di Kuala Kangsar, Jeli dan Kulim untuk pendengaran kes bagi tujuan memudahkan pihak-pihak yang menuntut menghadiri perbicaraan. Usaha ini menjimatkan masa dan kos pihak-pihak yang menuntut.